

KEJOHANAN PAINTBALL TERTUTUP iM4U PSP MERIAH

19.9.2015 Sabtu : Kelab Sukarelawan iM4U dengan kerjasama GPMS (Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung) Cawangan Khas Politeknik Seberang Perai (PSP) menganjurkan sebuah Kejohanan Paintball Tertutup iM4U PSP pada 19 September 2015 (Sabtu), jam 7.45 pagi hingga 7.00 petang bertempat di Padang Terbuka (Hadapan Perpustakaan PSP).

Kejohanan Paintball ini merupakan julung – julung kali pernah dianjurkan di Politeknik Seberang Perai, dan mendapat sambutan yang amat memberangsangkan. Kejohanan seperti ini bukan sahaja menaikkan semangat kesukanan dan daya saing yang sihat, malah dilihat dapat mengeratkan silaturrahim dan kerjasama antara para peserta dan juga pihak pengelola yang terlibat. Kejohanan ini melibatkan penyertaan sebanyak 22 pasukan yang terdiri daripada pelajar Politeknik Seberang Perai. Ucapan perasmian telah disampaikan oleh Encik Muzaidee Bin Mohamad Ali; Presiden GPMS Negeri Pulau Pinang. Kejohanan ini telah dimenangi oleh kumpulan 17 (Pensil Kayu 2B) dan tempat kedua dimenangi oleh kumpulan 19 (Geng C2). Tempat ketiga dimenangi Kumpulan 12 (Fantastic 5 Shooter) dan diikuti dengan tempat keempat oleh Kumpulan 1 (Matakaji). Melalui program seumpama ini diharapkan agar para pelajar dapat mengeratkan silaturrahim sesama mereka di samping dapat meningkatkan semangat setiakawan dan semangat berpasukan dalam pertandingan. Majlis Penyampaian Hadiah disempurnakan oleh Y. Berusaha Encik Sulaiman Bin Abdullah mewakili Pengarah PSP.

GALERI



Backdrop Kejohanan Paintball Tertutup iM4U PSP



Urusetia sedang memberikan taklimat sebelum permainan bermula



Sebahagian daripada para peserta



Antara aksi yang sempat dirakam ketika permainan berlangsung